

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**  
**PEMBUKAAN RASMI PENGGAL KEEMPAT**  
**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KE-12**  
**PADA 16 APRIL 2007**

**UCAPAN DASAR KERAJAAN**

**OLEH**

**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI  
TUN DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian**

1. Alhamdulillah, Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama lagi di Dewan yang mulia pada pagi ini sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Sabah yang Ke-12.

2. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Haji Aman kerana berjaya memimpin Kerajaan Negeri ini dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Sabah yang amat kita cintai.

**Ekonomi Negeri**

3. Ekonomi Negeri secara keseluruhan adalah cerah dan memberangsangkan serta semakin meningkat sejak bermulanya RMK9. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka akan bertumbuh pada kadar 6% tahun ini berbanding dengan kadar 5.5% pada tahun lalu. Dengan indikator ekonomi yang memberangsangkan dan adanya peningkatan jumlah pelaburan, menunjukkan keyakinan para pelabur untuk melabur ke Negeri ini. Pada masa yang sama, pelaksanaan projek-projek RMK9 di suku pertama tahun ini juga telah berjalan dengan lancar seperti yang dijadualkan. Imbangian perdagangan Negeri Sabah juga telah merekodkan peningkatan yang besar iaitu sebanyak 23% dalam tahun 2006. Sektor ekspot pula terus didominasikan oleh ekspot minyak kelapa sawit, petroleum mentah, papan lapis, minyak isirong sawit dan kayu lapis. Ekspot minyak kelapa sawit dan minyak isirong sawit telah menyumbang sebanyak 32% daripada jumlah ekspot Negeri. Petroleum mentah sebagai penyumbang kedua terbesar ekspot komoditi telah bertumbuh sebanyak 44% dengan jumlah nilai mewakili 30% daripada nilai ekspot keseluruhan dalam tahun 2006.

4. Dengan disokong oleh lonjakan harga komoditi, kebanyakan ekspot komoditi utama Negeri mencapai pertumbuhan yang positif pada tahun 2006. Tren yang memberangsangkan ini dijangka akan berterusan dalam tahun 2007. Negara China dan India telah mengatasi Semenanjung Malaysia sebagai destinasi ekspot utama bagi tahun 2006 dengan nilai ekspot sebanyak 32% daripada seluruh jumlah ekspot Negeri, menunjukkan kepentingan kedua-dua negara ini kepada ekonomi luar Negeri Sabah. Impot Negeri bertumbuh terutamanya impot jentera dan peralatan pengangkutan dan produk petroleum dengan kadar yang memberangsangkan sebanyak 14% dalam tahun 2006. Dalam pada itu, walaupun harga petrol dan produk petroleum meningkat, inflasi masih berada pada kadar terkawal iaitu 3.7%.

5. Kerajaan Negeri terus komited dalam membangunkan industri kelapa sawit dan getah kerana yakin kedua-dua komoditi ini berupaya meningkatkan ekonomi Negeri. Negeri Sabah masih terus bertahan sebagai Negeri yang mempunyai keluasan tanaman terbesar dengan keluasan 1.24 juta hektar atau meliputi 30 peratus dari jumlah keseluruhan keluasan

tanaman kelapa sawit negara. Manakala pengeluaran minyak sawit mentah telah meningkat kepada 5.4 juta tan dalam tahun 2006 daripada 5.3 juta tan dalam tahun 2005. Sementara pengeluaran getah telah meningkat kepada 31% pada lapan bulan pertama tahun 2006 berbanding dengan tahun 2005 akibat kenaikan harga komoditi tersebut.

6. Sektor pembuatan pula didokong oleh industri berasaskan kayu dan telah mencapai pertumbuhan yang positif di dalam ekspot kayu kumai, kayu lapis, veneer dan kayu bergeraji. Jumlah ekspot produk pembuatan telah bertambah sebanyak 8% dalam tahun 2006. Sebagai produk utama, petroleum mentah juga telah meningkat sebanyak 10% dalam tahun 2006. Penemuan Lapangan Minyak Kikeh di pesisiran Negeri Sabah yang berupaya menghasilkan 400 hingga 700 juta tong minyak yang boleh diperoleh semula, dijadual memulakan pengeluaran pada tahun ini.

7. Sektor pelancongan akan terus berkembang dengan beberapa kemajuan yang dicapai melalui sektor-sektor sokongan. Pertambahan penerbangan terus dari syarikat penerbangan tambang murah seperti Air Asia merupakan salah satu faktor yang menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan di negeri ini. Ditambah pula dengan pembangunan dan pembinaan hotel-hotel baru di bandar-bandar utama dan di bandar-bandar besar di Negeri ini. Beberapa destinasi baru pelancongan, produk pelancongan, pembinaan pusat membeli belah yang moden serta promosi besar-besaran telah berjaya menarik ramai pelancong ke Negeri ini. Pada tahun 2006 sahaja, jumlah ketibaan pelancong telah meningkat pada kadar 14.4% dan mencapai 2.1 juta pelancong. Peningkatan jumlah pelancong daripada negara-negara seperti Singapura, Denmark, Korea Selatan, China dan New Zealand merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan sektor pelancongan. Jumlah pelancong dari Singapura dan Denmark masing-masing pada kadar 161% dan 162%, sementara jumlah pelancong dari Korea Selatan dan New Zealand meningkat masing-masing sebanyak 81% dan 45%. Ketibaan pelancong tempatan pula mencatat pertumbuhan dua angka pada kadar 26%.

8. Suasana Negeri ini yang selesa dan makmor telah menambah keyakinan para pelabur untuk membuat pelaburan yang besar ke Negeri ini. Pertumbuhan sektor swasta juga telah bertambah baik dan ini ditunjukkan dengan kenaikan dalam jumlah pinjaman bank dan aktiviti kewangan yang diberi oleh institusi kewangan sebanyak 16% atau RM23 billion pada akhir tahun lepas. Peningkatan yang lain dijangka meningkatkan pertumbuhan melalui sektor pertanian, pembinaan, pembuatan berasaskan pertanian, sektor borong dan runcit serta sektor insurans dan perkhidmatan perniagaan. Dengan suasana pelaburan yang memberangsangkan ini juga telah dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap barang pengguna, jualan barang makanan, kredit penggunaan dan perbelanjaan kad kredit. Kadar pengangguran juga telah menurun kepada 5.7% pada tahun 2006 berbanding dengan 6.3% pada tahun 2005. Pelaburan awam juga telah meningkat dengan jumlah peruntukan pembangunan yang besar yang diterima oleh kerajaan Negeri di bawah RMK9. Peruntukan tambahan dari kerajaan Pusat juga telah mengembangkan pembangunan infrastruktur di Negeri ini.

### **Pencapaian Tahun Pertama Rancangan Malaysia Kesembilan**

9. Saya berpuas hati dengan pencapaian tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) walaupun masih pada tahap yang rendah oleh kerana tahun pertama adalah merupakan peringkat awal memulakan sesuatu rancangan pembangunan melalui dasar-dasar serta program-program baru disamping menyiapkan beberapa program sambungan RMK8.

10. Jumlah perbelanjaan terkumpul bagi tahun 2006 adalah dianggarkan sebanyak RM315 juta atau 58% daripada jumlah peruntukan tahun lalu dan 10.29% daripada jumlah siling peruntukan RMK9.

11. Perkembangan ini juga melibatkan semua sektor terutamanya sektor-sektor utama ekonomi Negeri di dalam Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah. Kesemua sektor tersebut telah menunjukkan prestasi yang positif. Prestasi sektor pertanian termasuk penternakan dan perikanan juga telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan di mana lebih 80% daripada jumlah peruntukan yang sediakan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan agensi-agensi di bawahnya untuk melaksanakan program-program Halatuju telah dibelanjakan. Manakala bagi sektor pelancongan pula, sebanyak 32.44% daripada jumlah peruntukan yang disediakan telah dibelanjakan.

12. Sektor-sektor sokongan seperti pembangunan infrastruktur di Negeri ini adalah sebanyak 31.03% daripada jumlah peruntukan yang disediakan telah berjaya dibelanjakan. Manakala sektor perumahan pula, sebanyak 31.23% daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri telah dibelanjakan. Bagi program-program pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar pula telah membelanjakan sebanyak hampir 90% daripada jumlah peruntukan yang disediakan.

## **Sektor Pertanian**

13. Kerajaan Negeri komited memajukan bidang bioteknologi sebagai industri baru yang dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk dan membantu merancakkan pembangunan. Sebagai langkah awal komitmennya, kerajaan Negeri merangka Pelan Tindakan Bioteknologi Sabah 2005-2015 sebagai panduan membangunkan industri itu secara tersusun. Ia selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara yang dilaksanakan Kerajaan Pusat sebagai usaha mengembangkan bidang bioteknologi sebagai sumber ekonomi berdaya maju. Kerajaan Negeri akan terus menyokong usaha memajukan industri ini kerana yakin penerokaannya mampu meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk dan membantu menjana lebih banyak pembangunan di Negeri ini. Adalah diharapkan pembentukan pelan tindakan khusus untuk pembangunan industri itu juga dapat memanfaatkan sepenuhnya kekayaan sumber biodiversiti di Negeri ini untuk mengalihkan sektor pertanian menjadi industri berasaskan bioteknologi yang lebih moden.

14. Pada beberapa tahun yang lalu, kerajaan Negeri telah menyusun beberapa strategi termasuk membina Pusat Benih padi bernilai lebih kurang RM20 juta di Kota Belud bagi mencapai sasaran tahap sara diri pada tahun 2010. Saya bersyukur kerana pusat ini hampir siap dilaksanakan dan akan diserahkan kepada kerajaan Negeri pada tahun ini. Ini bermakna kerajaan Negeri akan mencapai sasaran 60 peratus pengeluaran beras menjelang tahun 2010 apabila tiga pusat pemprosesan benih padi iaitu Pusat Pengeluaran dan Pemprosesan Benih Padi Bermutu yang baru di Timbang Menggaris, Kota Belud, Loji Pemprosesan Benih Tanaman Kontan, Lagud Sebrang, Tenom dan Pusat Pengeluaran Benih Padi, Kimanis Papar beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi dan akan mampu mengeluarkan benih padi sebanyak 4,000 tan metrik setahun.

15. Industri kelapa sawit juga sentiasa memainkan peranan penting dan kemajuan industri itu terus menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi Negeri Sabah. Perkembangan itu turut menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk luar Bandar dan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit. Kerajaan Negeri yakin pelabuhan Lahad Datu, Sandakan dan Tawau dapat mempergiatkan pengendalian eksport produk sawit dengan pewujudan POIC di kawasan tersebut dan berupaya membantu mengembangkan lagi ekonomi Negeri pada masa akan datang.

16. Pada tahun lalu, sebanyak RM250 juta peruntukan yang diberikan dari kerajaan persekutuan dan Negeri, kira-kira RM214 juta telah dibelanjakan terhadap projek-projek di bawah Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan dan Industri Ternak di samping Jabatan Perparitan dan Saliran. Untuk merealisasikan dan melaksanakan program-program yang dirancang, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM124 juta di samping RM74.92 juta dari Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

17. Bagi memajukan industri akuakultur nelayan di Negeri ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui institusi penyelidikannya Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) sedang bekerjasama dengan Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan). Menerusi usaha itu, UMS akan menyalurkan penemuan baru industri berkenaan kepada nelayan dan memudahkan tenaga penyelidik IPMB memperoleh maklumat berkaitan perikanan tradisi nelayan dan juga memperkenalkan kaedah terbaik membimbing golongan terbabit menjadi nelayan moden. Ia juga akan membolehkan IPMB menghasilkan teknologi perikanan yang sesuai untuk mereka. Dengan gabungan kepakaran saintis IPMB serta pengalaman nelayan, ia akan mampu menghasilkan penemuan baru yang boleh dimanfaatkan oleh para nelayan.

18. Sektor penternakan mempunyai potensi yang boleh dimajukan. Justeru, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT) disaran agar berupaya menjadikan mediator membantu usahawan ternak yang berdaya tahan dan berdaya saing memperluaskan dagangan dan memberi bimbingan untuk menjangkau pasaran antarabangsa yang lebih mantap supaya golongan ini terkeluar daripada amalan tradisi yang diamal selama ini. Dengan mengadakan dan menggiatkan promosi-promosi, ia akan dapat membantu mereka memperluaskan hasil dagangan ke negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, Filipina dan juga melalui kemudahan seperti Koridor Pembangunan Sabah. Dengan ini, sektor ternakan secara tidak langsung akan turut memainkan peranannya meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi 3.0 hingga 5.0 peratus menjelang tahun 2010.

## **Sektor Pelancongan**

19. Sektor pelancongan terus meningkat dan dapat menjana ekonomi Negeri ini. Jumlah ketibaan pelancong ke Sabah telah meningkat daripada 1,940,671 pada tahun 2005 kepada 2,107,288 pada tahun 2006. Saya berharap sempena Tahun

Mewarai Malaysia 2001, usaha yang bersepada uapai wiperungkaikan bagi menjadikan Negeri ini antara destinasi pelancongan utama dunia. Ketika ini, kawasan yang menjadi daya tarikan pelancong adalah lebih tertumpu kepada kunjungan ke lokasi terkenal seperti Gunung Kinabalu di Ranau, Tip of Borneo (Kudat), Sepilok (Sandakan), Sipadan (Semporna) atau gugusan pulau Taman Negara Tunku Abdul Rahman di ibu Negeri.

20. Sebagai contoh, Taman Pertanian Sabah (TPS) Lagud Seberang, pernah digelar ‘permata di pedalaman Sabah’ oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Destinasi ini adalah satu-satunya lokasi pelancongan berdasarkan pertanian di Sabah dan antara taman pertanian terbesar di negara ini. Sesuai dengan konsepnya sebagai taman pertanian, TPS menyajikan keindahan landskap dan panorama hijau yang mengasyikkan selain daripada menyaksikan pelbagai spesies orkid kacukan yang cantik serta kira-kira 500 spesies orkid liar dari sekitar Sabah serta maklumat lengkap mengenai alam tumbuhan, memang ideal untuk pengunjung yang mahu bersantai sambil menambah pengetahuan mengenainya.

21. Bilangan pelancong China ke Sabah dijangka meningkat dengan pesat menerusi operasi penerbangan harian Dragonair antara Hong Kong dan Kota Kinabalu yang telah bermula pada 2 April lalu. Langkah syarikat penerbangan Dragonair menambah penerbangan dari empat kali seminggu kepada setiap hari bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah, adalah satu petanda yang baik bagi industri pelancongan Sabah. Sebagai satu destinasi pelancongan yang hebat dan dengan penawaran penerbangan berjadual ke Sabah, menjadikan Hong Kong sebagai hub antarabangsa atau pintu masuk kepada pengembara yang datang dari tanah besar China untuk ke destinasi pelancongan di Negeri ini. Selain daripada Hong Kong, Negeri Sabah juga sedang rancak mempromosikan dua hub antarabangsa iaitu Singapura dan Bangkok sebagai langkah untuk merangsang industri pelancongan ke Negeri ini.

## Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

22. Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sentiasa memberi perhatian terhadap Negeri ini dalam pelaksanaan projek pembangunan yang untuk dinikmati oleh rakyat. Peruntukan besar yang diberikan kepada Negeri ini terutamanya untuk projek pembangunan infrastuktur jelas membuktikan bahawa Sabah sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan peruntukan besar yang diberikan oleh kerajaan pusat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) khusus untuk pembangunan infrastuktur seperti pembinaan dan menaik taraf jalan raya, jambatan serta pembinaan jejambat terutamanya dibandar-bandar utama akan memberi keselesaan kepada rakyat dan dapat melancarkan perjalanan aktiviti harian mereka.

23. Sehubungan itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan Pusat untuk memastikan kesemua 63 projek infrastuktur bernilai RM2.4 bilion di bawah RMK-9 di Negeri ini disiapkan mengikut jadual. Sebanyak 44 daripada 63 projek di bawah RMK-9 yang diperuntukkan untuk Sabah melibatkan pembinaan serta menaiktaraf jalan raya dan jambatan serta pemberian cerun-cerun. Disamping itu, kerajaan Negeri juga turut mengalau-alukan pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Putatan-Kepayan kerana ia dianggap amat perlu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di sepanjang laluan itu. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek menaik taraf jalan di laluan berkenaan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di sepanjang laluan berkenaan. Diharapkan projek ini dapat mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas dan melicinkan perjalanan ke Terminal 1 dan Terminal 2 KKIA (Kota Kinabalu International Airport).

24. Saya bersyukur di atas keprihatinan pihak Kerajaan Pusat kerana telah mengumumkan baru-baru ini geran tahunan sebanyak RM230 juta bagi kerja penyelenggaraan jalan raya dan RM33 juta untuk kerja penyelenggaraan jalan raya Persekutuan di Sabah bagi tahun ini. Selain itu, Sabah diberi peruntukan sejumlah RM55 juta bagi memperbaiki beberapa infrastruktur melibatkan jalan raya persekutuan dan Negeri serta jambatan yang rosak akibat bencana banjir yang melanda awal tahun ini. Sebanyak RM7.5 juta pula diperuntukkan bagi kerja penyelenggaraan jalan raya di luar kontrak sedia ada, RM40 juta bagi menaik taraf Jalan Ranau-Tambunan dan RM30 juta untuk Jalan Kota-Marudu-Ranau. Peruntukan besar yang diberikan oleh kerajaan Pusat untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Negeri ini merupakan penghargaan kepada rakyat di Negeri ini yang memberikan sokongan kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional (BN).

## Kemiskinan dan Pembangunan Luar Bandar

25. Di dalam RMK9, Kerajaan Negeri telah menerima jumlah peruntukan yang besar untuk program-program pembasmian kemiskinan. Adalah diharapkan semua program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya demi untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri ini dan seterusnya dapat mensifarkan kadar kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Keadaan Sabah yang begitu luas, liputan kemudahan asas utama yang belum mantap serta kadar kemiskinan ~~dan mungkin tegar yang banyak~~ meniadikan casarana tersebut sangat mencabar dan memerlukan pendekatan bersenadu serta

dan miskin yang banyak, menjadikan sasaran tersebut sangat mencabar dan memerlukan perkerahan bersepadu serta kerjasama dari pelbagai pihak.

26. Selaras dengan Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Kerajaan Negeri, bidang pertanian dilihat mampu membantu golongan ini keluar daripada belenggu kemiskinan kerana kemiskinan di kalangan para petani, penternak dan nelayan di kawasan luar bandar masih pada tahap tinggi. Adalah diharapkan sektor pertanian dapat digunakan untuk meningkatkan pendapatan para petani di luar bandar dan seterusnya membantu mereka keluar daripada kemiskinan tegar. Dengan adanya kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua agensi Negeri dan Pusat maka usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat petani, penternak dan nelayan dapat dicapai. Pembangunan tanah di Pulau Banggi, Kudat secara usaha sama antara Kerajaan Negeri dan Felcra Berhad dan pembangunan bersepadu oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah Persekutuan juga telah berjalan dengan baik dan sempurna.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**

27. Di seluruh dunia ketika ini pengetahuan teknologi maklumat (IT) memainkan peranan yang begitu ketara dan penting. Kemunculannya telah dapat memudahkan pelbagai urusan bukan setakat di dalam Negeri dan Negara malah juga secara global. Walaupun begitu, penguasaan dan pengetahuan teknologi maklumat (IT) di kalangan rakyat di Negeri ini masih di tahap rendah. Oleh itu, kerajaan akan memberi perhatian khusus dan dalam hal ini telah memperkenalkan pelbagai program bagi meningkatkan tahap penguasaan IT terutamanya bagi masyarakat di kawasan luar bandar. Program ini termasuklah memperkenalkan e-desa yang membolehkan penduduk luar bandar mengaplikasikan kemahiran IT termasuk penggunaan Internet. Para pendidik juga harus menguasai IT kerana mereka lah yang berperanan penting membantu para pelajar di peringkat sekolah rendah meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat. Dalam hal ini, kerajaan akan terus memberikan apa jua bantuan atau kemudahan yang diperlukan bagi memperkasakan lagi penguasaan dalam bidang teknologi maklumat.

### **Perumahan dan Perkhidmatan Sosial**

28. Di bawah RMK9, kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menyelesaikan masalah perumahan rakyat sekaligus menghapuskan masalah setinggan. Kerajaan Negeri telah menetapkan tahun 2010 sebagai sasaran pencapaian setinggan sifar. Agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Perumahan dan Perancang Bandar (LPPB) adalah di antara agensi yang boleh memainkan peranan penting untuk merealisasikan hasrat ini. LPPB telah menetapkan sasaran untuk membina hampir 10,000 unit rumah mampu milik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan pada ketika ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Dari jumlah itu, sebanyak 582 unit telah disiapkan sementara 942 unit lagi sedang dalam pembinaan, manakala sebanyak 7801 unit lagi akan dilancarkan pembinaannya dalam tempoh RMK9 ini. Pembinaan rumah ini juga dibantu melalui Program Perumahan Rakyat atau PPR yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara dan rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

29. Saya bersyukur kerana gejala sosial terutamanya jumlah penagih dadah di Sabah menunjukkan penurunan sebanyak 1,288 orang berbanding 2,134 penagih dadah yang dikesan pada tahun sebelumnya. Walaupun jumlah berkenaan menunjukkan penurunan, kita tidak semestinya berpuas hati kerana jumlah itu tidak termasuk jumlah penagih yang masih bebas. Oleh itu, sebagai masyarakat prihatin kita seharusnya terus berjuang untuk membanteras gejala ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Kementerian yang berkenaan perlu senantiasa mengambil berat terhadap masalah dadah dengan memastikan program-program kesedaran melibatkan semua masyarakat dapat dilaksanakan sepenuhnya bukan sahaja di tempat kerja, malah di sekolah, kawasan perumahan atau di mana sahaja yang memerlukan pendidikan, pencegahan dan penerangan umum. Saya juga menyeru agar Kementerian yang berkenaan mengambil langkah proaktif seperti menyediakan latihan kaunseling kepada anggota keluarga yang bermasalah. Inisiatif dan kerjasama dari semua pihak dalam membendung gejala sosial ini amatlah dialu-alukan dalam melahirkan dan membina generasi yang berbudaya dan bermoral tinggi.

### **Pembangunan Wilayah**

30. Salah satu teras di dalam RMK9 ialah untuk mencapai dan mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang melalui koordinasi dan integrasi pembangunan wilayah. Bagi mempercepatkan usaha ini, koridor wilayah atau kawasan pembangunan wilayah telah dikenalpasti yang mana ia memerlukan keupayaan dan kesediaan menyerapkan limpahan pembangunan daripada wilayah-wilayah berhampiran yang lebih membangun agar dapat berperanan dan bersaing dalam arus pembangunan. Negeri Sabah mempunyai banvak kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan tetapi

kedudukannya berjauhan. Oleh itu, adalah mudah untuk membangunkan kawasan berdasarkan kekuatan sektoral dan yang mempunyai kompetitif di pelbagai wilayah di Negeri ini.

31. Dengan memfokuskan dan mengutamakan pelaburan di kawasan pertumbuhan wilayah yang mempunyai daya tarikan terhadap tiga sektor penting di bawah Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah iaitu sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan. Asas penting yang kita laksanakan adalah untuk membenarkan dan membolehkan sektor swasta menjadi peneraju utama dalam ekonomi serta dengan pembukaan wilayah baru secara sistematis tentunya akan mengubah ekonomi Negeri ini. Potensi yang sebelum ini tidak disedari akan menjadi industri dan perniagaan baru, selain membentuk nilai dan pekerjaan baru. Matlamat utama kerajaan adalah meningkatkan pelaburan sektor swasta, matlamat yang melambangkan strategi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Oleh itu, satu daripada teras penting RMK-9 adalah untuk meningkatkan peluang kepada pelaburan baru dengan mewujudkan dan mengukuhkan lokasi baru.

## **Keselamatan**

32. Saya berasa gembira dengan kenyataan dan jaminan yang diberi oleh pihak keselamatan iaitu kadar jenayah yang direkod dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini tidak akan menimbulkan keresahan di kalangan rakyat Negeri ini. Kadar jumlah jenayah yang direkod juga telah menurun sebanyak 8.75 peratus berbanding dengan pada tempoh yang sama tahun lalu. Indeks Jenayah Negara menunjukkan Negeri Sabah mencatatkan Negeri kedua paling selamat di Negara ini.

33. Keadaan geografi Sabah yang mempunyai perairan panjang dan bersempadan tiga negara jiran iaitu Filipina, Indonesia dan Brunei itu dengan sendirinya Negeri Sabah terdedah kepada pelbagai bentuk kemungkinan jenayah, termasuk lanun dan pencerobohan sempadan Negara oleh nelayan asing. Dengan adanya agensi seperti Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), ia akan mampu mengawal dan mengawasi Negeri Sabah. Antara fokus utama agensi ini adalah mencegah penyeludupan dan kemasukan pendatang tanpa izin serta pemalsuan dokumen di perairan Pantai Timur yang bersempadan dengan dua negara jiran iaitu Filipina dan Indonesia.

## **Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera**

34. Kerajaan Negeri akan terus mengambil langkah untuk memastikan peningkatan penyertaan kaum bumiputera di dalam bidang keusahawanan. Sehubungan itu, dengan jumlah peruntukan besar dan disertai dengan pelbagai program yang telah dirancang yang bertujuan untuk membangunkan usahawan Bumiputra yang berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing. Dengan tercapainya matlamat tersebut, diharapkan juga dapat mewujudkan sebuah masyarakat bumiputera bertaraf ‘Glokal’ yang dapat bersaing bukan setakat di dalam Negeri malah di peringkat global.

## **Peranan Wanita**

35. Tidak dapat dinafikan, kerajaan sentiasa menghormati prinsip kesaksamaan gender. Justeru, di bawah RMK9 ini pelbagai inisiatif telah diadakan untuk memastikan golongan wanita mendapat hak dan perlindungan yang lebih menyeluruh. Wanita telah menunjukkan keupayaan cemerlang apabila diberi peluang yang saksama. Kini, kaum wanita di negara ini amnya dan di Negeri ini khususnya merasa lega dengan dasar baru yang diperkenalkan iaitu Dasar Wanita Negara. Objektif dasar ini adalah untuk menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan. Dalam hal ini, sumbangan wanita terhadap usaha pembangunan hendaklah dinilai secara menyeluruh. Wanita yang membantu urusniaga keluarga, wanita yang bekerja separuh masa dan wanita yang memilih menjadi suri rumah sepenuh masa adalah juga menyumbang terhadap ekonomi dan sosial serta pembangunan keluarga dan pembangunan insan.

## **Pendidikan dan Penyelidikan**

36. Saya berasa gembira kerana bidang pendidikan di Negeri ini menunjukkan prestasi yang meningkat dengan pertambahan jumlah pelajar yang mendapat kelulusan cemerlang di dalam peperiksaan peringkat sekolah menengah dan peringkat universiti samada di bandar dan di luar bandar. Usaha semua golongan terutamanya para pendidik amatlah dialu-alukan dan diharapkan kerjasama untuk membimbang generasi kita dapat diteruskan. Usaha berterusan juga perlu digiatkan untuk memastikan kecemerlangan dapat dijadikan sebagai budaya, gaya hidup dan amalan dalam masyarakat khususnya pelajar untuk terus mencapai kejayaan. Pelbagai pihak khususnya pemimpin, pendidik dan ibubapa harus mengembang tenaga ke arah usaha itu. Perkara paling penting adalah mengubah paradigma minda dan sikap di kalangan mereka yang

terlibat supaya pembudayaan kecemerlangan dalam kehidupan dapat direalisasikan.

37. Kerajaan juga senantiasa memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan. Penekanan pembangunan pendidikan bukan hanya tertumpu kepada kawasan bandar tetapi juga meliputi kawasan luar bandar. Peruntukan yang besar telah disediakan untuk memastikan semua lapisan masyarakat mendapat pendidikan yang secukupnya untuk melahirkan modal insan bermutu tinggi dan juga memiliki minda kelas pertama. Untuk ini kerjasama di antara kerajaan dengan ibu bapa dan guru-guru adalah perlu untuk memastikan generasi akan datang menjadi pemimpin yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

38. Sebuah Pusat Penyelidikan Antartika di Sabah akan diwujudkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai tempat rujukan pelajar dan saintis tempatan yang berminat membuat kajian mengenai Kutub Selatan. Penubuhan pusat itu penting bukan saja sebagai tempat rujukan pelajar dan saintis UMS, tetapi turut memberi pendedahan kepada masyarakat di Sabah mengenai kepentingan Antartika kepada penduduk Negara ini. Jika terlaksana, ia adalah pusat kedua khusus untuk kajian Antartika di Negara ini selepas Pusat Penyelidikan Antartika Universiti Malaya (UM) yang dibuka sejak Ogos 2002.

## **Undang-undang**

39. Kerajaan Negeri menyambut baik dan berterima kasih atas langkah mewujudkan Mahkamah Bergerak (Mobile Court) yang telah dilancarkan baru-baru ini khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman di Negeri ini. Saya percaya langkah berkenaan merupakan pendekatan terbaik pihak mahkamah dalam memberi keadilan yang saksama kepada semua orang. Adalah diharapkan penduduk-penduduk luar bandar dan pedalaman Negeri ini dapat memanfaatkan sepenuhnya perwujudan Mahkamah Bergerak ini, yang mana selama ini hanya merujuk kes-kes mereka kepada Ketua-ketua Kampung yang akhirnya menjatuhkan hukuman berdasarkan amalan tradisi lama. Sememangnya kita sedar bahawa aspek keadilan ini perlu dititikberatkan demi memastikan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman yang dilaksanakan di Negara ini terus kukuh.

40. Selain dapat memastikan kes-kes mereka dapat dibicarakan mengikut pendekatan kehakiman yang sebenar, mereka juga dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan tidak berulang-alik ke bandar bagi mendengar perbicaraan kes. Sehubungan dengan itu, masyarakat haruslah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak mahkamah supaya setiap kes yang dikendalikan dapat diselesaikan dengan kadar yang segera. Di samping itu, bagi menjamin pihak mahkamah memberikan keadilan kepada masyarakat secara keseluruhannya, pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi melicinkan pentadbiran keadilan di Negeri ini.

## **Belia dan Sukan**

41. Kerajaan sedar golongan belia merupakan aset dan sumber berharga negara. Kerajaan Negeri dan Pusat mengambil berat dengan keperluan para belia dan juga kemajuan sukan di Negeri ini. Oleh itu, beberapa kompleks sukan dan belia telah dan sedang di dalam pelaksanaan di seluruh daerah di dalam RMK9. Adalah diharapkan jumlah peruntukan yang disediakan dalam RMK9 ini dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh agensi-agensi pelaksana demi untuk kebaikan para remaja dan belia di Negeri ini. Program-program yang diperkenalkan juga perlulah mengikuti aliran masa dan golongan belia harus dibawa bersama dalam usaha pembangunan negeri di peringkat perancangan, kepimpinan dan pelaksanaan. Oleh itu, para penggiat belia dan sukan disarankan sentiasa berinteraksi dan mempertingkatkan pengetahuan untuk menangani cabaran-cabaran di alaf ini.

## **Perpaduan**

42. Isu perpaduan telah menjadi satu agenda di dalam Negara dan Negeri ini khususnya. Saya bersyukur, walaupun negeri Sabah mempunyai penduduk pelbagai agama, kaum, bahasa dan budaya, penduduk Negeri ini dapat mengamalkan sikap kerjasama, persefahaman dan saling hormat-menghormati. Budaya ini perlulah dipelihara untuk memastikan masyarakat di Negeri ini dapat terus hidup dalam harmoni.

## **Peranan Sistem Penyampaian dan modal insan**

43. Masih banyak usaha dan tindakan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem

penyampaian perkhidmatan awam. Isu mengenai kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan akan terus menjadi tumpuan dan perhatian masyarakat umum. Sebuah Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKP) Negeri yang telah diamanahkan untuk menangani perkara ini perlu memberi tumpuan secara khusus terhadap isu dan segala rumusan, ketetapan dan keputusan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini hendaklah dilaksanakan sepenuhnya. Pelaksanaannya hendaklah dipantau secara sistematik dan berterusan sehingga ke akar umbi. Keberkesanan Pusat Sehenti (One Stop Centre) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan juga hendaklah dipantau dengan teliti kerana masih banyak aduan mengenai kelambatan dan kerentan birokrasi dalam mendapatkan lesen-lesen perniagaan seperti kelulusan pelan pembangunan. Seperti yang dikatakan oleh Y.A.B Ketua Menteri baru-baru ini, kita tidak mahu kecekapan Pusat Sehenti yang diwujudkan itu setakat di atas kertas atau piagam pelanggan sahaja.

44. Modal insan adalah merupakan satu aset pengurusan yang sangat berharga dan modal insan yang berkualiti tinggi adalah satu keperluan, bukan satu kemewahan dalam dunia global hari ini. Sesebuah organisasi itu perlu memberi penekanan dan memfokuskan kemantapan tenaga kerjanya agar tidak berlakunya kepincangan di dalam organisasi itu. Untuk melahirkan modal insan berkualiti berminda kelas pertama, sebuah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) lima tahun telah diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengisi keperluan Negara menjelang tahun 2010 bagi mencapai kualiti pendidikan bertaraf dunia. Seluruh masyarakat terutamanya para pendidik diharapkan sentiasa menyedari yang agenda pendidikan Negara perlu dijayakan secara holistik. Untuk itu, para pendidik seharusnya menjalankan tugas dengan penuh ikhlas dan sentiasa mempunyai komitmen serta nilai etika dan moral yang tinggi. Pendekatan seperti inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama.

### **Hubungan Erat antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan**

45. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan konstrain, namun Kerajaan Negeri pada keseluruhannya, dengan kerjasama dan bantuan Kerajaan Persekutuan telah berjaya melaksanakan sebahagian besar perancangan Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah serta merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan. Kejayaan melaksanakan program-program kerajaan Negeri ini, antara lainnya disumbangkan oleh kestabilan politik yang telah diperkuatkuhan oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui perkongsian kuasa antara kaum di Sabah dan juga hubungan yang erat dengan Kerajaan Pusat.

### **Penutup**

46. Tahun ini merupakan tahun kedua kita berada di dalam RMK9. Oleh itu, diharap semua pihak yang terlibat dapat meneruskan pelaksanaan program-program dan menekankan kepada aspek pemantauan dan penilaian rancangan pembangunan ini. Saya juga menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agar dapat meneruskan dan meningkatkan khidmat cemerlang dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan amanah demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat di Negeri ini. Seperti kata Perdana Menteri kita “Tahun 2007 akan menjadi satu lagi tahun kejayaan kepada Malaysia. Azam kita adalah kuat... kita sudah ada hala tuju, kita punyai iltizam, dan kita bertekad untuk berusaha mencapai kejayaan”.

47. Akhir sekali saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak termasuklah para pemimpin Negeri dan Pusat, anggota perkhidmatan awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Badan-badan bukan kerajaan dan juga pasukan sukarelawan di atas perkhidmatan cemerlang dalam mengawal serta menjaga keselamatan Negeri ini serta melaksanakan dasar dan program pembangunan Negeri.

Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.